

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 APRIL 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Bidang rekabentuk bantu realisasi hasrat Kerajaan cetus aspirasi rakyat melalui TN50	BERNAMA
2.	Program jerayawara beri penjelasan usaha, kejayaan Yayasan Sabah	BERNAMA
3.	Manfaatkan STI dalam pengurusan bencana	BERNAMA
4.	Leverage on STI to strengthen disaster management	BERNAMA
5.	Gudang data kesihatan Malaysia, satu platform bersepadu kongsi data dilancarkan	BERNAMA
6.	Health Ministry launches Malaysian health data warehouse	The Sun
7.	Database on health goes live	The Star
8.	Health-related data warehouse launched	The Sun
9.	Tested, proven and certified	The Star
10.	Amaran ribut petir di Perairan Perak, Selangor, NS, Melaka dan Sabah	BERNAMA



Bidang Rekabentuk Bantu Realisasi Hasrat Kerajaan Cetus Aspirasi Rakyat Melalui TN50

SHAH ALAM, 18 April (Bernama) -- Bidang rekabentuk diyakini memainkan peranan sangat penting dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk mencetus aspirasi rakyat melalui Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata bidang itu juga berperanan dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk menentukan bidang transformasi termasuk ekonomi, kemasyarakatan, kebudayaan dan alam sekitar.

"Justeru, rakyat Malaysia perlu menyedari akan pentingnya bidang rekabentuk dalam memastikan negara kita menjadi sebuah negara yang maju pada masa hadapan," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalannya, **Datuk Wira Dr Abu Bakar Mohamad Diah** pada Majlis Penyampaian Malaysia Good Design Mark (MGDM) 2016 di sini malam ini.

Sebanyak 32 produk hasil rekaan dan keluaran 22 syarikat di Malaysia, termasuk Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd dan Panasonic Manufacturing Malaysia Bhd menerima pengiktirafan pada majlis anjuran **Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM)** yang turut dihadiri pengerusinya, Prof Datuk Ahmad Zainuddin.

MGDM yang memasuki tahun ke-20 penganjuran sejak dimulakan pada 1997 merupakan pengiktirafan rekabentuk oleh kerajaan melalui MRM bagi memperakui usaha sektor perindustrian dalam melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan berterusan untuk mempertingkatkan produk baharu.

Menurut Madius, sehingga kini lebih 300 syarikat telah menikmati faedah daripada pengiktirafan itu dan lebih membanggakan, penerimaan terhadap produk-produk MGDM bukan sahaja terhad kepada pengguna tempatan malahan juga kepada pengguna luar negara.

"Saya percaya syarikat-syarikat tempatan seharusnya mengambil peluang ini kerana MGDM merupakan pengiktirafan antarabangsa ke atas industri rekabentuk yang boleh dijadikan sebagai strategi untuk memperkasakan penjenamaan serta sebagai teras kepada sesebuah syarikat yang ingin menyebarluaskan pasaran produk mereka," katanya.

Beliau juga percaya untuk kekal kompetitif dengan produk-produk jenama antarabangsa Malaysia perlu sentiasa belajar dan bekerjasama dengan negara lain yang turut sama meraikan rekabentuk sebagai agenda nasional mereka.

Antara usaha untuk memastikan produk tempatan sentiasa menjadi pilihan utama pengguna di dalam dan luar negara ialah dengan mempelajari teknik serta strategi yang dilaksanakan oleh agensi rekabentuk antarabangsa seperti German Design Zentrum, Japan Institute of Design Promotion, Korea Institute of Design Promotion dan Thailand Creative and Design Centre, katanya.

"Saya percaya perkembangan aktiviti-aktiviti ini secara tidak langsung akan dapat memastikan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berinovasi dan kreatif menjelang tahun 2050 akan tercapai sepenuhnya," katanya.

-- BERNAMA



Program Jerayawara Beri Penjelasan Usaha, Kejayaan Yayasan Sabah - Musa

TUARAN, 18 April (Bernama) -- Penganjuran program Roadshow Yayasan Sabah Bersama Rakyat berupaya menjadi platform berkesan dalam memberi penjelasan dan penerangan kepada rakyat mengenai usaha serta kejayaan yayasan itu dalam memperkasa pendidikan anak Sabah sejak ia ditubuhkan pada 1966.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata program jerayawara (roadshow) itu juga mampu menunjukkan seterusnya membuktikan kepada rakyat segala inisiatif dilakukan Yayasan Sabah, sebuah agensi di bawah kerajaan negeri, selama ini, sekali gus menangkis tohmahan serta fitnah tidak berasas dilontarkan pihak pembangkang terhadap yayasan itu.

"Selama ini, kami (kerajaan negeri) tidak terlampau heboh-heboh (mengenai usaha dan pencapaian), kami tidak banyak bercakap tetapi lebih banyak membuat kerja... tetapi parti pembangkang sekarang ini, masuk dan keluar kampung bercakap bohong dan menjual temberang.

"Justeru, dengan adanya roadshow ini, rakyat akan tahu bahawa selama ini kami (kerajaan negeri) bukan tidur tetapi kami bekerja dan berusaha membela nasib rakyat," katanya berucap merasmikan Roadshow Yayasan Sabah Bersama Rakyat bagi peringkat zon pantai barat selatan di Tamparuli, dekat sini, hari ini.

Turut hadir **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Madius Tangau** merangkap Anggota Parlimen Tuaran dan Pengarah Kumpulan Yayasan Sabah Datuk Sapawi Ahmad.

Musa berkata pelbagai kejayaan dicapai Yayasan Sabah termasuk mewujudkan Pusat Kraftangan di Keningau dan melatih lebih 20,000 belia selain menubuhkan Kolej Universiti Yayasan Sabah (UCSF) serta membangunkan Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) yang sedang dalam pembinaan.

Bagaimanapun, Musa berkata terdapat parti pembangkang di negeri ini cuba mengelirukan rakyat dengan mendakwa kononnya Yayasan Sabah ketika ini berada dalam keadaan tenat.

Musa, yang juga Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah, berkata dakwaan itu tidak benar kerana Yayasan Sabah masih stabil dengan memiliki aset bernilai RM14 bilion dan wang tunai melebihi RM420 juta.

"Adakah ini dikatakan sebagai sakit, tenat, bankrap? Wakil rakyat pembangkang ini bercakap bohong," katanya.

Dalam pada itu, Musa turut mengingatkan rakyat supaya tidak terpengaruh dan tertipu oleh dakyah pembangkang selain tidak terikut-ikut dengan janji bulan dan bintang ditabur pihak itu yang tidak logik untuk direalisasikan.

Sementara itu, Sapawi dalam ucapannya berkata, sebanyak 190,560 masyarakat tempatan di zon pantai barat selatan telah mendapat manfaat daripada program Kumpulan Yayasan Sabah dengan perbelanjaan sebanyak RM6 juta dari 2004 hingga tahun lepas.

Beliau juga berharap program jerayawara itu akan memberi semangat baharu dan rakyat akan terus memberi sokongan padu kepada Kumpulan Yayasan Sabah yang memainkan peranan penting dalam pembangunan rakyat secara keseluruhannya.

-- BERNAMA



Manfaatkan STI Dalam Pengurusan Bencana

PUTRAJAYA, 18 April (Bernama) -- Memanfaatkan kemajuan Sains Teknologi dan Inovasi (STI) adalah penting untuk meningkatkan dan mengukuhkan pengurusan bencana, kata **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau.**

Sudah tiba masanya kita memandang serius kepada ancaman bencana alam. Pendekatan yang lebih holistik dan inovatif dalam menangani bencana adalah penting bagi menyelamatkan nyawa, harta benda dan mata pencarian daripada kemusnahan dan kerugian, kata beliau.

Madius berkata Malaysia menerajui usaha ke arah melaksanakan Kerangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030 dengan menggalakkan dialog dan kerjasama di kalangan komuniti sains dan teknologi, pihak berkepentingan berkaitan dan penggubal dasar untuk memastikan keberkesanan keputusan dalam pengurusan risiko bencana.

Beliau berkata Sistem Amaran Awal (EWS) yang dimanfaatkan oleh **Jabatan Meteorologi** telah diiktiraf dalam Kerangka Kerja Sendai sebagai faktor penting dalam mengurangkan risiko kematian, kecederaan, penyakit, hilang mata pencarian dan kerosakan harta benda akibat bencana.

Keupayaan untuk menyampaikan maklumat penting dan ramalan yang ditujukan kepada kumpulan sasaran yang betul membolehkan keputusan pantas dibuat untuk melindungi rakyat dan kehidupan mereka, kata beliau pada Sesi ke-11 Kumpulan Penyelarasan Antara Kerajaan bagi Sistem Amaran Awal Tsunami Lautan Hindi dan Sistem Mitigasi (ICG-IOTWMS) di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pengkomersialan) Kementerian, Kua Abun.

Sementara itu, Ketua Sekretariat Suruhanjaya Oseanografi Antara kerajaan UNESCO dan Kumpulan Penyelarasan Antara Kerajaan bagi Amaran Tsunami Lautan Hindi dan Sistem Mitigasi (ICG-IOTWMS) Dr T. Srinivasa Kumar berkata IOTWMS yang ditubuhkan sebagai respon kepada bencana tsunami berfungsi sepenuhnya pada Mac 2013.

Beliau berkata integrasi sistem amaran awal tsunami yang lebih mantap ke dalam pengurusan bencana alam peringkat negara dan tempatan serta sektor awam dan swasta yang lain akan meningkatkan kemampunan Sistem Amaran Awal Tsunami Lautan Hindi dan Sistem Mitigasi (IOTWMS).

Walaupun banyak yang telah dicapai dalam tempoh 10 tahun yang lalu, IOTWMS tidak mempunyai kemampunan tanpa komitmen berterusan daripada negara anggotanya.

Ini memerlukan sokongan dasar yang kuat di peringkat nasional dalam kerangka perancangan pengurangan risiko bencana, integrasi lebih kukuh ke dalam pengurusan bencana dan membuat persediaan dalam perundangan dan kodifikasi, kata beliau.



Leverage On STI To Strengthen Disaster Management

PUTRAJAYA, April 18 (Bernama) -- It is vital to leverage on the advancement of Science, Technology and Innovation (STI) to enhance and strengthen disaster management, according to **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau.**

It s time to take the threat of natural disasters seriously. Indeed, a more holistic and innovative approach in addressing disasters is crucial in saving lives, properties and livelihoods from destruction and losses, he said.

Madius said Malaysia had taken the lead towards the implementation of Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030 by promoting dialogue and cooperation among scientific and technological communities, relevant stakeholders and policy makers to ensure a science-policy interface for effective decision-making in disaster risk management.

He said the Early Warning System (EWS), led by the **Meteorological Department**, had been recognised in the Sendai Framework as an important factor in reducing the risk of death, injury, disease, loss of livelihood and damage to property from the disasters.

The ability to deliver vital information and impact forecast to the right target groups allows for swift decision making and responses to protect people and their livelihoods, he said at the 11th Session of Intergovernmental Coordination Group for the Indian Ocean Tsunami Warning and Mitigation System (ICG-IOTWMS) here today.

Madius speech was read by the ministry s **Deputy Secretary-General (Planning and Commercialisation) Kua Abun.**

Meanwhile, Head of the Intergovernmental Oceanographic Commission of UNESCO and ICG-IOTWMS Secretariat, Dr T. Srinivasa Kumar said the IOTWMS, formed in response to the tragic tsunami on Decr 26, 2004, was fully functional in March 2013.

He said a stronger integration of tsunami early warning system into national and local disaster management and other public and private sector would enhance the sustainability of IOTWMS.

Although much has been achieved in the last 10 years, the IOTWMS is not sustainable without the continued commitment of its member states.

This requires strong policy support at the national level within the framework of national disaster risk reduction planning, stronger integration of tsunami early warning system into national and local disaster management and anchoring preparedness in legislation and codification, he said.

-- BERNAMA



Gudang Data Kesihatan Malaysia, Satu Platform Bersepadu Kongsi Data Dilancarkan

PUTRAJAYA, 18 April (Bernama) -- Kerajaan hari ini melancarkan Gudang Data Kesihatan Malaysia (MyHDW), satu platform perkhidmatan kesihatan bersepadu yang menghubungkan hospital dan klinik awam dan swasta termasuk data pesakit dalam satu sistem yang selamat, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S.Subramaniam.

Beliau berkata sistem penjagaan kesihatan komprehensif ini yang dibangunkan Kementerian Kesihatan dan **Institut Sistem Mikroelektrik Malaysia (MIMOS)** pada 2015, akan berkongsi analisis, data dan penyelidikan dengan fasiliti penjagaan kesihatan bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (Hospital Universiti) dan Kementerian Pertahanan (Hospital tentera).

Sebelum ini, beliau berkata, pengumpulan data kesihatan dilakukan secara manual dan melahirkan satu keadaan silo walaupun terdapat kemajuan dalam teknologi untuk merekodkan data kesihatan secara elektronik.

"Penggunaan ICT dalam silo adalah mahal dan rumit berikutan rekod perubatan pesakit tidak boleh dikongsi jika mereka mendapatkan rawatan di hospital yang lain.

Sekarang, MyHDW akan memberi tumpuan terhadap pengumpulan data terperinci untuk tujuan pertanyaan dan analisis. Ia mempunyai satu portal yang boleh diakses kepada pelbagai data kesihatan, katanya kepada pemberita selepas melancarkan MyHDW di kementeriannya di sini.

Sebagai contoh, Dr Subramaniam berkata, jika seseorang ingin tahu mengenai peratusan pesakit diabetes atau kanser di negara ini, mereka boleh mengakses sistem itu.

Bagaimanapun, sistem itu tidak memberi akses kepada kumpulan yang tidak relevan mengenai maklumat khusus atau terpencil berhubung butiran data kesihatan seseorang pesakit. Maklumat itu hanya boleh diakses oleh orang yang berkaitan untuk tujuan penyelidikan dan analisis, katanya.

Dr Subramaniam berkata bagi fasa pertama sistem MyHDW yang telah dilaksanakan, sejarah 2.5 juta pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan, swasta, hospital universiti dan tentera boleh diakses pegawai perubatan secara komprehensif untuk rujukan dan tindakan susulan.

Fasa kedua akan terus mengumpul 70 juta rekod data perubatan pesakit luar di fasiliti

penjagaan kesihatan yang lain seperti klinik kesihatan dan klinik pakar.

"Maklumat ini termasuk demografi, intervensi klinikal dan prosedur, dan dibentangkan dalam bentuk agregat yang mudah diakses tanpa sempadan masa dan lokasi, katanya.

Dr Subramaniam berkata MyHDW akan memanfaatkan data raya dan analitik bagi membantu membuat keputusan perniagaan yang strategik, meningkatkan kecekapan perniagaan, memacu pertumbuhan hasil dan juga melahirkan model perniagaan yang baharu dan inovatif berasaskan amalan yang jelas.

Jika sebuah hospital telah berjaya melaksanakan prosedur kardiologi dengan kecekapan kos, hospital yang lain boleh mengikuti prosedur yang sama bagi menjimatkan kos dan mengurangkan perbelanjaan perubatan yang tidak perlu, katanya.

-- BERNAMA



Health Ministry launches Malaysian Health Data Warehouse

PUTRAJAYA: The Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW), a collection of all health-related data, was launched today by the Health Ministry.

The MyHDW will have health-related data, among others, from government and private hospitals, universities and military hospitals.

Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam who launched the MyHDW said the collected data can be analysed by the health service sector so that better evidence-based medicine can be practiced.

The government, he added, already has solid health related data but integrating more information from other sectors will only serve to make it even more accurate.

However, he pointed out that data on outpatient services have yet to be collected due to the large number of people who receive such services.

He said developing the database locally with **Mimos** meant the Health Ministry only had to pay as little as 20% of what it would cost to have a foreign company develop a similar system.

He added that the database is publicly accessible but certain information such as patient records will be restricted to those who are authorised.

On H1N1 outbreak, Dr Subramaniam said there is no outbreak of the disease in the country and thus the disease is not a serious threat.

The World Health Organisation (WHO), he added, is not considering it as an epidemic.

"We have it (H1N1) every day, and it only has flu-like symptoms. Certain groups such as pregnant women are more vulnerable to it, so doctors need to be more careful in such cases," he said.

Director-General of Health Datuk Seri Noor Hisham Abdullah, meanwhile said, they are monitoring six patients in Terengganu who have shown flu-like symptoms but have yet to determine if it is H1N1.

A pregnant woman in Terengganu died from H1N1 on April 13, almost a week after she was hospitalised for a week-long fever on April 7.

Database on health goes live

Ministry launches MyHDW to cut wastage

Reports by JOSEPH KAOS Jr
and LOH FOON FONG
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: A central database containing health-related information from both public and private hospitals in Malaysia has gone live.

Called the Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW), it will allow those in healthcare services to make better and more "educated" decisions and cut wastage.

Describing it as a "significant milestone", Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam said the information would also allow for better analysis, adding that this was useful in the provision and planning of healthcare.

"With better analysis, we can provide service and treatment that are evidence-based and more cost-effective solutions," Dr Subramaniam told reporters after the launch of MyHDW here yesterday.

According to the Health Ministry, Malaysia is the seventh country in the world to have such a system.

Developed jointly by the ministry and **Mimos Berhad**, it compiles data from various public and private healthcare facilities in the country, including university and military hospitals.

At present, the MyHDW system, which is in its first phase, has a collection of data from 2.5 million inpatients from government and mil-



21 - 23 April 2017 (Fri - Sun) • 10AM - 8PM
Mid Valley Exhibition Centre, Kuala Lumpur



Yoga: Back to Basic

Learn how you can
achieve better health
with **Lim Lay Gaik**.

"Bring your own yoga mat
if interested"

22 April 2017 (Saturday), 1.15pm-2.15pm,
Main Stage Area

itary hospitals and day-care unit services.

"We will continue to collect more data from outpatients in other healthcare facilities in the second phase.

"To get the best information, we need integrated health data from all - both from the public and private sectors.

"With accurate data, then we can make evidence-based decisions," Dr Subramaniam



Significant milestone: (From left) Dr Noor Hisham, Dr Subramaniam and Mimos Bhd president Datuk Abdul Wahab Abdullah launching the MyHDW service at the Health Ministry in Putrajaya.

**With better analysis,
we can provide service
and treatment that are
evidence-based and more
cost-effective solutions.**

Datuk Seri Dr S. Subramaniam

told reporters at the event.

With such a database, Dr Subramaniam said information such as the number of breast cancer patients in the country, what race had the highest sufferers or the age at

which they were most at risk would be available.

He also assured the public that patient privacy would be of "utmost priority", adding that sensitive information like identity and personal details would not be accessible.

Health director-general Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said the wealth of information would also help policy-makers and healthcare providers cut wastage.

"If we are treating someone and incur a lot of cost but there is no outcome, then we should change our treatment.

"Through information available on this database, we can make informed decisions and not those made on 'what I think is right' or common perception," said Dr Noor Hisham.

Health-related data warehouse launched

BY **LEE CHOON FAI**
newsdesk@thesundaily.com

PUTRAJAYA: The Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW), a collection of all health-related data, was launched yesterday by the Health Ministry.

MyHDW will have health-related data, among others, from government and private hospitals, universities and

military hospitals.

Health Minister – Datuk Seri Dr S. Subramaniam, who launched MyHDW, said the collected data can be analysed by the health service sector so that better evidence-based medicine can be practised.

The government, he added, already has solid health-related data but integrating more information from other sectors will only serve to make it even more accurate.

However, he pointed out that data on outpatient services have yet to be collected due to the large number of people who receive such services.

He said developing the database locally with Mimos Bhd meant the Health Ministry only had to pay as little as 20% of what it would cost to have a foreign company develop a similar system.

He added that the database is publicly accessible but certain information such as patient's records will be restricted to those who are authorised.

On recent H1N1 reports, Subramaniam said there is no outbreak of the disease in



Subramaniam launching the MyHDW as Noor Hisham looks on.

the country and thus the disease is not a serious threat.

The World Health Organisation, he added, is not considering it an epidemic.

"We have it (H1N1) every day, and it only has flu-like symptoms.

"Certain groups such as pregnant women are more vulnerable to it, so doctors need to be more careful in such cases," he said.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (STAR HOMES) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 19 APRIL 2017 (RABU)

Tested, proven and certified

WE often worry of unwanted "guests" like intruders, stray animals and pesky insects that affect security and health.

Majestec Premium Security Doors and Windows are a very effective way of maintaining security while allowing clear vision and ventilation.

Majestec Security Screens offer your home security, insect screens, ventilation and clear vision. This aesthetic and functional product is of Australian ingenuity.

Majestec's clear vision security screens use the latest in Japanese high-tensile wire materials interwoven in-house into strong stainless steel mesh for maximum strength.

The screens allow free flow of fresh air into your home, naturally cooling your living space, which also reduces energy consumption. At night, windows can be left open without any worries.

The high-tensile mesh is resilient and almost impossible to cut or break through.

Majestec products have been tested and surpassed standards for impact resistance, point load test, knife shear, jimmy and pull tests. It also protects glass and timber doors from breakage and damage.

Majestec products have met the requirements of Australia and Malaysia Sirim Standard (AS 5039:2008) for security screen doors and window grilles.

Due to its fine mesh, the almost invisible screens allow you a clear view of the outdoors without



Majestec's clear vision security screens use the latest in Japanese high-tensile wire materials interwoven into strong stainless steel mesh for maximum strength.

compromising the appearance and security of your home.

In emergency, locks and handles can be easily released from inside. Window locks and removable handles are also available.

In high-rise buildings, a higher concentration of occupants, proximity to mass transit facilities and easy access puts occupants and property at risk. With Majestec, unauthorised access is minimised without compromising ventilation or views.

Majestec security screens are

custom-made and come in a variety of colours. The frames are powder-coated to fulfil a product lifetime of over 10 years.

Made of marine-grade steel, the mesh is rustproof and requires low maintenance – just wipe with a damp cloth or flush with water, then wipe dry.

Its frames are made from heavy-duty aluminium and Majestec's product development team can custom-design its products to meet architectural design and security requirements.

Majestec's product range includes awning windows, casement windows, hinged doors, French doors, bi-fold doors, sliding doors and windows, stacker doors, fixed panels, pool fencing and balustrades and fire escapes. Curved and triangular panels are available too.

When choosing an important component of home security, one should check for proof of claims. Majestec has spent considerable resources on engineering its products to pass the many tests they are subjected to.

Majestec holds several patents for its fixing system of binding the stainless steel mesh to the frames. The panels have been tested to withstand forces of up to 1,100kg.

Singapore's Changi Airport used Majestec's products in the renovation of Terminal One.

Majestec products are sold all over the world including Australia, South Africa and the United States. All these countries require products to be subjected to stringent testing before being sold to the public.

Visit Majestec's showroom at The Curve Shopping Mall at Lot 219B, 2nd Floor, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara (operation hours: 10am to 7pm, Monday to Sunday).

■ Now available in Malaysia and Singapore, call 1300 88 MESH (6374) / 03-6156 1615 or log on to <http://www.meshtec.com.my> to find out more.



Amaran Ribut Petir Di Perairan Perak, Selangor, NS, Melaka Dan Sabah

KUALA LUMPUR , 18 April (Bernama) -- Keadaan ribut petir di perairan Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Sabah (pedalaman dan pantai barat) diramal berterusan sehingga lewat pagi hari ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam kenyataan berkata keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50km sejam (kmsj) dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

Keadaan serupa diramal berlaku di perairan Selat Melaka dan Labuan dan dijangka berterusan sehingga lewat pagi hari ini.

Keadaan itu berbahaya bagi aktiviti laut dan bot-bot kecil.

-- BERNAMA